

MEMO

PENERIMA		PENGIRIM	
KEPADA	Penyelia Pusat RILEK	TARIKH	19/04/10
FAX NO.		DARIPADA	Ibu Pejabat KOMMS
		MUKASURAT	1

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN PENGKALAN DATA JPJ PUTRAJAYA

Pihak pengurusan ingin memaklumkan bahawa pihak JPJ Putrajaya akan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan pengkalan data pada tarikh dan masa seperti berikut:

Tarikh : 8hb Mei 2010 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi hingga 5.00 petang (9 jam)

Oleh demikian, sepanjang tempoh masa tersebut semua aktiviti e-Khidmat tidak dapat dilaksanakan. Ini termasuklah;

- 1) Tempahan Ujian Bahagian Satu Berkomputer
- 2) Muat Turun Borang Kawalan
- 3) Kemaskini Sijil 5 Jam KPP & Pra L
- 4) Kemaskini Keputusan Ujian Bahagian Satu Berkomputer

Walau bagaimanapun, bagi tempahan ujian yang telah berjaya dibuat lebih awal, sesi ujian tersebut boleh diteruskan seperti biasa pada 8hb Mei 2010.

Kepada semua penyelia, sila lakukan **Advance Download** senarai nama calon yang akan menduduki ujian pada 8hb dan 9hb Mei 2010 (Sabtu & Ahad) mengikut jadual di bawah:

Tarikh Ujian	Tarikh Terakhir 'Advance Download'
8hb Mei 2010 (Sabtu)	7hb Mei 2010 (Jumaat)
9hb Mei 2010 (Ahad)	7hb Mei 2010 (Jumaat)

Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan ke Bahagian Helpdesk Ibu Pejabat KOMMS.

Sekian, harap maklum.



Pihak Pengurusan KOMMS